

Semua jawatan Puteri boleh ditanding

RH 27 AUG 2002

KUALA LUMPUR, Isnin - Semua jawatan utama dalam Puteri Umno, termasuk ketua, terbuka untuk ditandingi dalam pemilihan pertama jawatankuasa pergerakan itu, awal November ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengesahkannya hari ini berkata, semua jawatan penting dalam exco Puteri terbuka untuk dicabar oleh mana-mana ahli pergerakan itu.

Kenyataan Presiden Umno itu sekali gus menolak desas-desus kononnya ada arahan tertentu da-

ripada pucuk pimpinan parti supaya jawatan Ketua Puteri Umno tidak dipertandingkan bagi memastikan ketua penajanya, Azalina

wab soalan pemberita selepas menyampaikan Amanat Presiden di Majlis Penerangan Tatacara Mesyuarat dan Pemilihan Pergerakan

thir turut melancarkan Kempen Poster Anti Politik Wang sempena pemilihan Puteri Umno, yang mesyuarat bahagian bermula pada 16 September hingga 15 Oktober.

Sebelum ini, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob beberapa kali menasihatkan semua ahli Puteri berkompromi dengan memberi laluan kepada semua Exco penaja bagi memegang jawatan penting pada peringkat bahagian, negeri dan Pusat.

Nik Aziz cacat kerana enggan bertaubat – Muka 2

Industri pendidikan untungkan ekonomi – Muka 4

Othman, menang tanpa bertanding.

“Saya tak dengar apa-apa pun (mengenai arahan), khabar angin sajalah. Ya, semua jawatan akan dipertandingkan,” katanya menja-

Puteri Umno, Tata Etika Ahli Umno serta Taklimat Khas di Dewan Tun Abdul Razak. Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Pada majlis yang sama, Dr Maha-

LHÁT MUKA 2

Mastina berhasrat cabar Azalina

DARI MUKA 1

Khalil berkata, jasa Exro penaja dalam menuhkan serta mengukuhkan pergerakan Puteri Umno selama setahun sebelum ia diluluskan sebagai satu sayap Umno pada J u n lalu, perlu diambil kira.

Pemilihan peringkat cawangan Puteri bermula 1 Ogos lalu dan berakhir 15 September ini. Mesyuarat Agung dan pemilihan jawatankuasa pusat Puteri diadakan pada 2 November.

Setakat ini, bekas Ketua Penerangan Puteri, Mastina Abdul Hamid sudah menyatakan minatnya untuk mencabar Azalina bagi jawatan ketua. Bagi naib ketua, tujuh calon sudah menyatakan keinginan mereka bertanding. Malah, ada negeri dikatakan akan mencalonkan dua nama bagi jawatan itu.

Dr Mahathir berkata, pihaknya tidak menerima sebarang aduan mengenai salah laku dan politik wang sejak pemilihan peringkat cawangan Puteri diadakan oleh lebih 7,000 cawangan di seluruh negara sejak 1 Ogos lalu.

Terdahulu, dalam amanatnya, Presiden Umno menasihatkan semua ahli Puteri supaya memilih pemimpin berdasarkan kelayakan dan kebolehannya selain menerima kelemahan yang ada sebagai sifat manusia biasa.

"Tiada manusia yang sempurna. Semua orang 'cacat'.. kita semua cacat dari segi amalan dan nilai yang kita pegang dalam hidup. Kalau nak pilih orang yang tiada kecacatan, susahlah," katanya.

Sementara itu, Khalil ketika ditanya sama ada wujud larangan berkempen ketika pemilihan Puteri berkata: "Kita tidak melarang secara rasmi. Cuma, kita nasihatkan mereka jangan berlebih-lebihan. Kalau tiada (kempen) bagaimana mereka nak tahu calon mana satu."